

21/02/2000

Pengunjung festival mahu lebih maklumat

Mona Ahmad; Azrina Ahzan

KUALA LUMPUR, Ahad - Kira-kira 23,000 orang mengunjungi Festival Pelancongan Melaka 2000 di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini sejak pesta itu bermula tiga hari lalu.

Sebanyak 97 gerai meliputi sembilan bahagian pelancongan iaitu sejarah, budaya, rekreasi, sukan, pendidikan, kesihatan, persidangan, pertanian dan beli-belah, dibuka sempena pesta itu bagi memudahkan pengunjung mengetahui lebih dekat keistimewaan Melaka.

Pelbagai kegiatan termasuk persembahan kebudayaan negeri turut diadakan. Festival enam hari itu, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Sementara itu, orang ramai menyarankan penganjur supaya menyediakan lebih banyak maklumat bertulis dan lisan mengenai sejarah Melaka.

Pegawai kerajaan, Umar Abdul Majid, 45, berkata penganjur perlu lebih peka dengan memperbanyakkan maklumat mengenai sejarah Melaka bagi menarik lebih ramai pelancong ke negeri itu.

"Walaupun saya berasal dari Melaka, banyak perkara yang membabitkan sejarah Melaka saya tidak tahu, dan berharap dapat sesuatu dengan mengunjungi gerai di pesta ini," katanya.

Beliau yang menetap di Keramat, terkilan kerana maklumat yang disediakan agak terhad.

"Hari pertama saya mengunjungi gerai sejarah untuk mendapatkan maklumat mengenai masjid Kampung Ulu, tetapi saya kecewa kerana kakitangan yang menjaga gerai itu tidak dapat membantu berikutan pegawai yang sepatutnya mengetahui sejarah masjid itu tiada.

"Nasib baik apabila saya datang untuk kali kedua hari ini, pegawai terbabit ada dan memberikan maklumat yang saya inginkan," katanya.

Beliau juga berharap pesta seumpama itu dapat diadakan setiap dua bulan bagi mendedahkan keistimewaan Melaka kepada orang ramai.

Siti Jalil, 45, berkata pesta itu perlu diadakan setiap tahun bagi mendedahkan maklumat mengenai Melaka kepada orang ramai.

Beliau yang tidak pernah mengunjungi Melaka, berkata kunjungannya ke gerai di pesta itu dapat menambahkan lagi pengetahuan mengenai negeri itu.

"Kalau boleh penerangan dan maklumat disediakan supaya kita senang untuk bertanya kalau tidak tahu dan faham," katanya.

Jamiah Tughiman, 44, dari Shah Alam juga berkata pesta itu perlu diadakan setiap tahun bagi menyalurkan maklumat mengenai Melaka.

"Ini adalah pertama kali saya mengunjungi pesta ini, dan rasa ia perlu diadakan selalu," katanya.

Sementara itu, jurucakap pesta itu yang ditemui berkata pihaknya akan mempertingkatkan penyaluran maklumat kepada pengunjung.

"Kita perlukan maklum balas seperti ini untuk memperbaiki lagi kemudahan dan maklumat mengenai sejarah Melaka kepada pengunjung," katanya.

Beliau berkata pesta itu juga akan diadakan sepanjang tahun di beberapa tempat termasuk Singapura dan Indonesia.

"Apa yang istimewa ialah dalam tempoh ini, pelancong berpeluang memenangi hadiah menarik apabila membeli Sijil Melawat Melaka di Muzium Budaya Melaka," katanya.

(END)